| TARIKH | MEDIA | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2021 | The Star | Recovery Plan Being Drafted | 2 |

14/6/2021 (MONDAY) THE STAR P: 2

# Recovery plan being drafted

## Post-Covid-19 strategies to be presented to National Security Council

KUALA LUMPUR: A National Recovery Plan is being drafted in preparation for the country to emerge from the Covid-19 pandemic at a reasonable stage, says Tan Sri Muhyiddin Yassin.

The Prime Minister said the plan – which will be based on data, science and all the preparations that have been carried out, including in terms of Covid-19 management, the economy, vaccination programme and others – would be presented to the National Security Council (NSC) next week.

"Some of the key ministers involved have already sat down with me to present the draft. (It's) basically good but not yet refined.

"It is time we set a National Recovery Plan to get out of this problem but this is a big challenge, depending on the cooperation and support of all parties," said Muhyiddin.

He was speaking to reporters after visiting the Mobile Vaccination Centre (PPV) at the Sri Johor People's Housing Project in Bandar Tun Razak here yesterday.

Also present was Federal Territories Minister Tan Sri Annuar Musa.

Among others, the plan, said Muhyiddin, would inform the people about the current development and phases involving the management of Covid-19 in the country.

"This, we will evaluate. It will have phase one, phase two ... based on data, for example, if (for cases of) Covid-19, we see there are already signs of decline.

"But it cannot be a time to celebrate because the phase has not been completed. If possible, we want cases to go down further.

"This means we have to help the Health Ministry manage healthcare to ensure our healthcare system does not collapse ... hospitals, bed facilities, ventilators, hospital staff, (there) must be enough. We are implementing all these," he said.

In the meantime, the Prime Minister said the government was considering setting a deadline for registration for Covid-19 vaccination.

He said currently, the registration process was being done openly and ongoing with no set deadline.

"Let's say, (we set) the end of July so that whoever hasn't registered yet, please register.

"If there is any left, we will help to register so that everyone is already in our system and we can plan the next phases until the vaccination programme is completed throughout country," he said.

Kuala Lumpur, said Muhyiddin, was also expected to achieve herd immunity earlier, which would be this August.

This, he added, was based on the opening of more PPVs, including mega centres and the mobile vaccination programme that would enable more people in the Federal Territory to receive vaccination.

Muhyiddin said the mobile vaccination programme was one of the ways to expedite vaccination and that the government planned to add more mobile PPVs in certain areas.

The implementation of the mobile vaccination pilot project, which began on June 7 at the Kampung Muhibbah PPR here, is the outcome of a strategic collaboration between Federal Territories and Health Ministries, City Hall and Yayasan Wilayah Persekutuan.

The programme is one of seven initiatives under Wilayah Cakna 5.0 to ensure 80% of the residents in the federal capital are vaccinated by the end of August. — Bernama



**Prime support:** Muhyiddin giving words of encouragement to vaccine recipients at Sri Johor People's Housing Project in Bandar Tun Razak. — Bernama

Watch the video TheStarTV.com

| TARIKH | MEDIA | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2021 | NST | National Recovery Plan Being Drafted | 4 |

NST 14/6/2021 (MONDAY) PG: 4

BASED ON DATA, SCIENCE

# NATIONAL RECOVERY PLAN BEING DRAFTED

It will be presented to the National Security Council, says prime minister

**KUALA LUMPUR**

THE government is drafting a National Recovery Plan in preparation for the country to emerge from the Covid-19 pandemic at a reasonable level, said Tan Sri Muhyiddin Yassin.

The prime minister said the plan, which was based on data, science and all the preparations, including in terms of Covid-19 management, the economy, vaccination programme and others, would be presented to the National Security Council next week.

"Some of the key ministers involved have already sat down with me to present the draft. Basically good, but not yet refined.

"It is time we have a national recovery plan for us to get out of this problem, but this is a big challenge depending on the cooperation and support of all parties," he said.

Muhyiddin said this after visiting the mobile vaccination centre at the Sri Johor People's Housing Project in Bandar Tun Razak here yesterday.

He was accompanied by Federal Territories Minister Tan Sri Annuar Musa.

Muhyiddin said the plan was also, among others, to inform the people about the current developments and the phases involving the management of Covid-19 in the country.

"The plan will have phase one, phase two, based on the data, as for example, if we see there are already signs of decline (in the number of cases), but it cannot be a time to celebrate because the phase has not been completed. If possible, we want cases to go down further.

"This means we have to help the Health Ministry manage healthcare to ensure that our healthcare system does not collapse — hospitals, bed facilities, ventilators, hospital staff must be enough. We are implementing all these," he said.

In the meantime, the prime minister said the government was considering having a deadline to register for Covid-19 vaccination.

He said currently the process was done openly with no deadline set.

"Let's say (we set) the end of July, so whoever hasn't registered yet, please register. We will help to register those who have not, so that everyone is already in our system and we can plan the next phases until the vaccination programme is completed throughout the country," he said.

Muhyiddin also said Kuala Lumpur was expected to achieve herd immunity earlier, which would be this August.

He said this was based on the opening of more vaccination centres (PPV), including mega PPV and mobile vaccination programmes that would enable many people in the federal territory to receive vaccination.

On the mobile vaccination programme, Muhyiddin said the method was one of the ways to expedite the vaccination, and the government planned to add more mobile PPVs in certain areas.

The mobile vaccination pilot project, which began on June 7 at the Kampung Muhibbah PPR here, is the outcome of a strategic collaboration between the Federal Territories Ministry, Health Ministry, Kuala Lumpur City Hall and Yayasan Wilayah Persekutuan.

The programme is one of the seven initiatives of the Wilayah Cakna 5.0 drive to ensure that 80 per cent of the residents of the federal capital are vaccinated by the end of August. **Bernama**




*Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin giving the thumbs up after visiting the mobile vaccination centre at the Sri Johor People's Housing Project in Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur, yesterday.* BERNAMA PIC

| TARIKH | MEDIA | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2021 | The Sun Daily | Covid Recovery Plan Almost Finalised | 2 |

THE SUN DAILY 14/6/2021 (ISNIN) Pg: 2

# Covid recovery plan almost finalised

**KUALA LUMPUR:** The government is drafting a recovery plan in preparation for the country to emerge from the pandemic at a reasonable level, said Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin.

He added the plan, that is based on data, science and preparations that had been done, including in terms of Covid-19 management, the economy and vaccination programme, would be presented to the National Security Council (NSC) within a week.

"Some of the key ministers involved have already sat down with me to present the draft. It is basically good, but not yet refined.

"It is time we set an exit strategy or national recovery plan for us to get out of this problem, but this is a big challenge that depends on the cooperation and support of all parties," he said after visiting a mobile vaccination centre (MVC) at the Sri Johor People's Housing Project (PPR) in Bandar Tun Razak yesterday. He was accompanied by Federal Territories Minister Tan Sri Annuar Musa.



Muhyiddin speaking to residents during the vaccination event yesterday in Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur. – *BERNAMAPIX*

Muhyiddin said the plan was also to inform the people about the current developments and the phases involving the management of Covid-19 in the country.

In the meantime, the government is considering setting a deadline for registration for Covid-19 vaccination, he added.

Muhyiddin said Kuala Lumpur is expected to achieve herd immunity earlier, expected to be sometime next in August.

He said the expectation was based on the opening of more vaccination centres, including mega ones and MVC programmes that would enable many people in the federal territory to be vaccinated.

The implementation of the MVC pilot project, which began on June 7 at the Kampung Muhibbah PPR, is the outcome of a strategic collaboration between the Federal Territories Ministry, Health Ministry, Kuala Lumpur City Hall and Yayasan Wilayah Persekutuan.

The programme is one of the seven initiatives of the Wilayah Cakna 5.0 drive to ensure that 80% of residents in the federal capital are vaccinated by the end of August. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2021 | Utusan Malaysia | Kluster tempat kerja jadi punca | 4 |



Sumbang jangkitan tertinggi angka positif Covid-19

UTUSAN MALAYSIA 14/6/2021 (ISNIN) M/S 4

# Kluster tempat kerja jadi punca

Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Malaysia terus merekodkan kluster tempat kerja menjadi majoriti kluster apabila 11 daripada 15 kluster semalam melibatkan kategori terbabit diikuti tiga komuniti dan satu pendidikan tinggi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, baki kluster tempat kerja, tiga di Selangor iaitu Industri Jalan Sijangkang Utama melibatkan Kuala Langat dan Klang (24), Industri Sungai Chandong Sembilan melibatkan Klang dan Petaling (13) dan Industri Jalan Anggerik Mokara di Klang (5).

Katanya, Johor tiga kluster, PLO Perindustrian 65 di Tangkak (27), Tembikar Jalan Johor di Batu Pahat (20) dan Kampung Choh di Pontian (9) manakala dua di Sabah, Jalan Agaseh di Lahad Datu (15) dan Lorong Satu A melibatkan Kota Kinabalu, Tuaran dan Penampang (10).

"Tiga kluster tempat kerja terakhir, Desa Tun Razak 2 di Cheras, Kuala Lumpur (23), Industri Jalan Usaha Merlimau di Jasin, Melaka (31) dan Industri Jalan Sepuluh melibatkan Kota Bharu dan Bachok, Kelantan (18).

"Kategori komuniti catat tiga kluster iaitu dua di Sarawak, Kampung Sebandi Hilir di Lundu (15) dan Kampung Tabuan Haji Drahman di Kuching (34) serta satu di Sabah, Kebayau melibatkan Kota Belud dan Keningau (27) manakala satu kluster pendidikan tinggi, Dah Sintok di Kubang Pasu (19)," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Noor Hisham berkata, jumlah kes sembuh Covid-19 Malaysia melebihi 8,000 untuk dua hari berturut-turut iaitu 8,163 kes berbanding semalam, 8,334 sekali gus mengatasi kes positif yang menunjukkan penurunan kes iaitu 5,304 kes berbanding semalam, 5,793 kes.

Katanya, sebanyak 64 kematian manakala kes aktif menunjukkan penurunan iaitu 73,324 kes berbanding semalam, 76,247 kes manakala sebanyak 917 kes Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 452 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Selangor kekal menjadi penyumbang terbesar kes positif harian malah mencatatkan semula peningkatan kes positif iaitu 1,983 kes berbanding semalam, 1,582 kes diikuti Sarawak (544), Kuala Lumpur (462), Johor (363), Sabah (335), Negeri Sembilan (331), Kedah (301) dan Pulau Pinang (256).

"Baki negeri dan wilayah merekodkan kes di bawah 200 kes iaitu Labuan (158), Melaka (145), Perak (121), Pahang (78), Terengganu (46) manakala Putrajaya (7) dan Perlis (5)," katanya.

Mengulas mengenai 64 kematian, beliau berkata, Selangor turut merekodkan kematian tertinggi iaitu 15 kes, 10 kes di Kuala Lumpur, tujuh kes di Johor, enam kes di Kedah, masing-masing lima kes di Negeri Sembilan dan Pahang, masing-masing empat kes di Sarawak dan Labuan, masing-masing dua kes di Sabah dan Kelantan, serta masing-masing satu kes di Pulau Pinang, Perak, Melaka dan Terengganu.



SEBUAH bas digunakan sebagai pusat pemberian vaksin bergerak dalam program Vaksinasi Covid-19 Wilayah Prihatin di Pusat Komuniti Gombak, PPR Gombak Setia, semalam. – UTUSAN/AMIR KHALID

| TARIKH | MEDIA | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2021 | Berita Harian | Pelan pemulihan negara dibentangkan minggu ini | 1 |

# Pelan Pemulihan Negara dibentangkan minggu ini

BH 14/6/2021 (ISNIN) PG: 1

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan membentangkan Pelan Pemulihan Negara dalam tempoh seminggu ini sebagai persiapan untuk negara keluar daripada pandemik COVID-19 pada satu peringkat yang munasabah.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata pelan yang dibuat berdasarkan kepada data, sains dan segala persiapan yang dilakukan, termasuk dari segi pengurusan COVID-19, ekonomi dan program vaksinasi itu akan dibentangkan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Beberapa menteri utama yang terbabit sudah pun duduk membentangkan secara kasar kepada saya. Pada dasarnya baik, tetapi belum lagi diperhalusi.

"Sudah sampai masa kita nak tetapkan satu pelan pemulihan negara supaya negara akan terkeluar daripada masalah ini (pandemik) dalam satu peringkat munasabah," katanya kepada pemberita selepas melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Bergerak di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Johor, Bandar Tun Razak, di sini, semalam.

Muhyiddin berkata, pelan itu juga antara lain sebagai makluman kepada rakyat mengenai perkembangan semasa dan fasa-fasa tertentu membabitkan pengurusan COVID-19 negara.

Malah, katanya, pelan pemulihan itu hanya akan berhasil sekiranya semua pihak, terma suk rakyat bekerjasama dar menyokong usaha kerajaan da lam menangani pandemik.

"Ini akan kita teliti, ia (pe lan) akan ada fasa satu, fas dua... berdasarkan kepada data sebagai contoh kalau (kes) CO VID-19 kita lihat sudah ada pe tanda penurunan, tapi tak bo leh lagi meraikan kerana fas belum selesai. Kalau boleh, kit mahu kes turun lagi.

Nasional 2



Tan Sri Muhyiddin melihat proses pemberian vaksin kepada penduduk ketika melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Bergerak di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Johor, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

**TERKINI PROGRAM VAKSINASI**

| JUMLAH DAFTAR | JUMLAH DIVAKSIN | DOS PERTAMA | DOS KEDUA |
|---|---|---|---|
| 13,772,992 | 4,361,358 | 3,030,096 | 1,331,262 |

| TARIKH | MEDIA | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2021 | Berita Harian | Pelan pemulihan perlu sokongan semua pihak | 2 |

BH 14/6/2021 (ISNIN) M/S : 2

# Pelan pemulihan perlu sokongan semua pihak

Dari Muka 1

"Ini bermakna kita kena bantu Kementerian Kesihatan (KKM) menguruskan penjagaan kesihatan dalam memastikan sistem penjagaan kesihatan kita tak runtuh dengan hospital, kemudahan katil, ventilator, kakitangan hospital kita mencukupi," katanya.

Beliau berkata, meskipun banyak usaha sudah dilakukan, ia belum mencukupi disebabkan angka kematian akibat COVID-19 masih besar.

"Biarpun kes kini mencapai 5,000 lebih (sehari), saya masih belum berpuas hati dan kita akan mencari jalan," katanya.

Jumlah kes baharu COVID-19 yang direkodkan semalam tidak banyak berubah apabila mencatatkan 5,304 kes, berbanding 5,793 kes kelmarin.

Selangor kekal mencatatkan kes tertinggi iaitu 1,973 kes diikuti Sarawak (544); Kuala Lumpur (462); Johor (363); Sabah (335), Negeri Sembilan (331); Kedah (301) dan Pulau Pinang (256).

Kerajaan pada 25 Mei lalu memutuskan pelaksanaan sekatan pergerakan penuh di seluruh negara selama dua minggu bermula 1 hingga 14 Jun berikutan kadar jangkitan harian semakin meruncing serta bagi membendung risiko perkhidmatan kesihatan daripada lumpuh.

Pelaksanaan sekatan pergerakan penuh yang dijadual tamat hari ini, bagaimanapun dilanjutkan dua minggu lagi berkuat kuasa 15 hingga 28 Jun selepas mengambil kira jumlah kes masih melebihi 5,000 sehari.

Mengenai isu ekonomi rakyat, Muhyiddin menegaskan kerajaan akan mencari jalan untuk mengimbangi usaha menangani pandemik dengan memperkukuhkan ekonomi negara.

"Menerusi pelan pemulihan ini, kita tidak boleh melihat satu sudut sahaja sebaliknya kita lihat kepada soal ekonomi.

"Kita tidak mahu apabila COVID-19 selesai, ada yang tidak boleh makan, kerja tiada. Ini adalah masalah negara dan kebimbangan ini kita perlu ambil kira," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata kerajaan sedang menimbang menetapkan satu tarikh akhir bagi pendaftaran vaksinasi COVID-19.

Buat masa ini, proses pendaftaran dibuat secara terbuka dan sepanjang masa.

"Katakanlah (kita tetapkan) akhir Julai, jadi siapa belum lagi mendaftar, sila daftar. Kalau ada yang berbaki kita bantu untuk daftar supaya semuanya sudah ada dalam sistem kita dan kita boleh rancang fasa seterusnya sehingga selesai program vaksinasi ini dilaksanakan di seluruh negara," katanya.

Muhyiddin turut menyatakan keyakinan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dijangka dapat mencapai imuniti kelompok lebih awal pada Ogos ini.

Beliau berkata, jangkaan itu berdasarkan pembukaan lebih banyak PPV, termasuk PPV mega dan program vaksinasi bergerak yang membolehkan ramai rakyat di kawasan berkenaan menerima suntikan vaksin.

Katanya, jika semua pihak memainkan peranan mereka dalam menjayakan pelan itu, tidak mustahil Malaysia mencapai imuniti kelompok lebih awal daripada tempoh ditetapkan.

"Pelan ini sudah kita susun termasuk mengambil kita proses vaksinasi dan usaha mencapai *herd immunity*.

"Sekarang bergantung kepada rakyat dan kerajaan untuk mengikuti peraturan dan prosedur operasi standard termasuk penguatkuasaan sepenuhnya. Sekiranya pelanggaran berlaku, kes akan meningkat balik," katanya.

| TARIKH | MEDIA | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2021 | Harian Metro | Kerajaan timbang untuk tetap tarikh akhir | 8 |



MUHYIDDIN beramah mesra dengan penduduk yang menerima vaksin selepas melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Bergerak di PPR Sri Johor, Bandar Tun Razak, semalam. - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS

HARIAN METRO 14/6/2021 (ISNIN) M/S 8

PENDAFTARAN UNTUK VAKSIN

# Kerajaan timbang untuk tetap tarikh akhir

Bernama

**Kuala Lumpur**

Kerajaan sedang merangka Pelan Pemulihan Negara sebagai persiapan untuk negara keluar daripada pandemik Covid-19 pada satu peringkat yang munasabah, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, pelan yang dibuat berdasarkan kepada data, sains dan segala persiapan yang sudah dilakukan termasuk dari segi pengurusan Covid-19, ekonomi, program vaksinasi dan sebagainya itu akan dibentangkan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam tempoh seminggu akan datang.

"Beberapa menteri utama yang terbabit sudahpun dulu membentangkan secara kasar kepada saya. Pada dasarnya baik, tetapi belum lagi diperhalusi.

"Sudah sampai masa kita nak tetapkan satu exit strategy atau pelan pemulihan negara untuk kita keluar dari masalah ini, tetapi ini adalah cabaran yang besar bergantung pada kerjasama dan sokongan semua pihak," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Bergerak di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Johor, Bandar Tun Razak di sini, semalam yang turut disertai Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar Musa.

Muhyiddin berkata, pelan itu juga antara lain sebagai makluman kepada rakyat mengenai perkembangan semasa dan fasa tertentu membabitkan pengurusan Covid-19 di negara ini.

"Ini akan kita teliti, dia (pelan) akan ada fasa satu, fasa dua...berdasarkan kepada data, sebagai contoh kalau (kes) Covid-19 kita lihat sudah ada petanda penurunan, tapi tak boleh lagi meraikan kerana fasa belum selesai. Kalau boleh kita mahu kes turun lagi.

"Ini bermakna kita kena bantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menguruskan penjagaan kesihatan dalam memastikan sistem penjagaan kesihatan kita tak runtuh...dengan hospital, kemudahan katil, ventilator, kakitangan hospital kita mencukupi. Semua ini sedang kita laksanakan," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang menimbang untuk menetapkan satu tarikh akhir bagi pendaftaran vaksinasi Covid-19.

> *Sudah sampai masa kita nak tetapkan satu exit strategy atau pelan pemulihan negara untuk kita keluar dari masalah ini"*
>
> **Muhyiddin Yassin**

Menurutnya, buat masa ini proses pendaftaran dibuat secara terbuka dan sepanjang masa.

"Katakanlah (kita tetapkan) akhir bulan Julai, jadi siapa belum lagi mendaftar, sila daftar. Kalau ada yang berbaki kita bantu untuk daftar supaya semuanya sudah ada dalam sistem kita dan kita boleh rancang fasa seterusnya sehingga selesai program vaksinasi ini dilaksanakan di seluruh negara," katanya.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dijangka dapat mencapai imuniti kelompok lebih awal pada bulan Ogos depan.

Beliau berkata, jangkaan itu berdasarkan kepada pembukaan lebih banyak pusat pemberian vaksin (PPV) termasuk PPV mega dan program vaksinasi bergerak yang membolehkan ramai rakyat di kawasan berkenaan menerima suntikan vaksin.

Mengulas mengenai program vaksinasi bergerak itu, Muhyiddin berkata, kaedah berkenaan adalah antara cara untuk menyegerakan program vaksinasi dan pihaknya bercadang menambah lebih banyak lagi PPV bergerak di kawasan tertentu.

Pelaksanaan projek rintis vaksinasi bergerak yang bermula pada 7 Jun lalu di PPR Kampung Muhibbah itu adalah hasil kerjasama strategik Kementerian Wilayah Persekutuan bersama KKM, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Yayasan Wilayah Persekutuan.

Program itu adalah antara tujuh inisiatif Wilayah Cakna 5.0 untuk memastikan 80 peratus warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selesai divaksinasi pada penghujung Ogos 2021.

| TARIKH | MEDIA | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2021 | Sinar Harian | Pelan pemulihan negara dirangka | 8 |





VAKSIN UNTUK RAKYAT

SINAR HARIAN 14/6/2021 (ISNIN) M/S : 8

# Pelan Pemulihan Negara dirangka

Sebagai persiapan keluar daripada pandemik Covid-19

KUALA LUMPUR

Kerajaan sedang merangka Pelan Pemulihan Negara sebagai persiapan untuk negara keluar daripada pandemik Covid-19 pada satu peringkat yang munasabah.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pelan yang dibuat berdasarkan kepada data, sains dan segala persiapan yang telah dilakukan termasuk dari segi pengurusan Covid-19, ekonomi, program vaksinasi dan sebagainya itu akan dibentangkan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam tempoh seminggu akan datang.

"Beberapa menteri utama yang terbabit sudah pun duduk membentangkan secara kasar kepada saya. Pada dasarnya baik, tetapi belum lagi diperhalusi.

"Sudah sampai masa kita nak tetapkan satu *exit strategy* atau Pelan Pemulihan Negara untuk kita keluar daripada masalah ini tetapi ini adalah cabaran yang besar bergantung pada kerjasama dan sokongan semua pihak," katanya kepada pemberita selepas melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Bergerak di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Johor, Bandar Tun Razak di sini pada Ahad yang turut disertai Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

Muhyiddin berkata, pelan itu juga antara lain sebagai makluman kepada rakyat mengenai perkembangan semasa dan fasa-fasa tertentu melibatkan pengurusan Covid-19 di negara ini.

"Ini akan kita teliti, dia (pelan) akan ada fasa satu, fasa dua… berdasarkan kepada data, sebagai contoh kalau (kes) Covid-19 kita lihat sudah ada petanda penurunan, tapi tak boleh lagi meraikan kerana fasa belum selesai. Kalau boleh kita mahu kes turun lagi.

"Ini bermakna kita kena bantu Kementerian Kesihatan (KKM) menguruskan penjagaan kesihatan dalam memastikan sistem penjagaan kesihatan kita tak runtuh… dengan hospital, kemudahan katil, ventilator, kakitangan hospital kita mencukupi. Semua ini sedang kita laksanakan," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang menimbang untuk menetapkan satu tarikh akhir bagi pendaftaran vaksinasi Covid-19.

Menurutnya, buat masa ini proses pendaftaran dibuat secara terbuka dan sepanjang masa.

"Katakanlah (kita tetapkan) akhir bulan Julai, jadi siapa belum lagi mendaftar, sila daftar.

"Kalau ada yang berbaki kita bantu untuk daftar supaya semuanya sudah ada dalam sistem kita dan kita boleh rancang fasa-fasa seterusnya sehingga selesai program vaksinasi ini," katanya.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dijangka dapat mencapai imuniti kelompok lebih awal pada Ogos ini.

Beliau berkata, jangkaan itu berdasarkan kepada pembukaan lebih banyak PPV termasuk PPV Mega dan bergerak.

Mengulas mengenai program vaksinasi bergerak, Muhyiddin berkata, kaedah tersebut merupakan antara cara untuk menyegerakan program vaksinasi dan pihaknya bercadang menambah lebih banyak lagi PPV bergerak di kawasan tertentu. - *Bernama*

FOTO BERNAMA



Muhyiddin (dua dari kanan) berbincang dengan Annuar ketika melawat PPV Bergerak di PPR Sri Johor, Bandar Tun Razak pada Ahad.